



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN ICT

BIL. 01/2021

## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *BRING YOUR OWN DEVICE* (BYOD) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini adalah satu tatacara pelaksanaan *Bring Your Own Device* (BYOD) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menyatakan tanggungjawab dan peranan pengguna berdasarkan prinsip *Confidentiality*, *Integrity* dan *Availability* (CIA).

### 2.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan bagi memastikan pelaksanaan BYOD dapat diselaras dan dilaksanakan di UiTM dengan objektif seperti berikut:

- i. Memastikan penggunaan perisian secara BYOD dapat diselaras dan dilaksanakan di peringkat pusat tanggungjawab seluruh UiTM; dan
- ii. Memastikan langkah-langkah keselamatan ICT berkaitan penggunaan BYOD dilaksanakan dan diberi perhatian sewajarnya oleh warga universiti.

### 3.0 SKOP

Skop garis panduan Pelaksanaan BYOD di Universiti Teknologi Mara adalah meliputi:

- i. Tatacara Penggunaan BYOD;
- ii. Larangan Penggunaan BYOD;
- iii. Keselamatan ICT; dan
- iv. Risiko/ Liabiliti/ Penafian.

## 4.0 DEFINISI DAN AKRONIM

### 4.1 Definisi

Takrifan yang digunakan di dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i. **Pengguna** merujuk kepada staf UiTM, pelajar UiTM dan pihak ketiga UiTM yang menerima dan mendapat perkhidmatan daripada pihak UiTM.
- ii. **BYOD (*Bring Your Own Device*)** merujuk kepada penggunaan peralatan ICT peribadi pengguna yang dibenarkan di dalam sistem rangkaian atau sebarang fasiliti yang disediakan oleh pihak universiti bagi tujuan melaksanakan tugas rasmi universiti di dalam premis UiTM.
- iii. **Perisian** adalah perisian/ aplikasi daripada sumber yang sah.
- iv. **Access Point** adalah peralatan yang digunakan sebagai medium kepada pengguna UiTM untuk capaian ke internet melalui sistem rangkaian tanpa wayar (*wireless*).

### 4.2 Akronim

<b>ICT</b>	<i>Information and Communication Technology</i>
<b>UiTM</b>	Universiti Teknologi MARA
<b>BYOD</b>	<i>Bring Your Own Device</i>

## 5.0 PENYATAAN

### 5.1 Tatacara Penggunaan BYOD

Tatacara penggunaan BYOD boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu peranti mudah alih dan perisian. Pengguna BYOD perlu mematuhi tatacara penggunaan BYOD seperti berikut:

- i. **Penggunaan Peranti Mudah Alih**
  - a) Pengguna perlu memastikan peranti mudah alih BYOD mempunyai ciri-ciri keselamatan standard seperti perisian antivirus, sistem pengoperasian dan perisian yang terkini;
  - b) Pengguna perlu mengaktifkan ciri keselamatan sistem pengoperasian di dalam peranti mudah alih BYOD seperti menggunakan kata laluan yang kukuh;
  - c) Pengguna hanya dibenarkan memuat turun perisian/ aplikasi daripada sumber yang sah sahaja;

- d) Pengguna adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling UiTM/ Kerajaan yang sedang berkuatkuasa; dan
- e) Pihak UiTM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang ketirisan dan kebocoran maklumat disebabkan oleh kecuiaan penggunaan BYOD.

## ii. Penggunaan Perisian

- a) Pengguna perlu memastikan perisian yang digunakan adalah perisian yang sah di dalam persekitaran universiti. Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi:
  - i. Penggunaan perisian mestilah untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran.
  - ii. Pengguna boleh menyemak senarai perisian *network license* yang dibekalkan oleh pihak pengurusan ICT di UiTM.
  - iii. Pengguna perlu mematuhi prosedur semasa yang telah ditetapkan oleh pengurusan ICT universiti.

## 5.2 Larangan Penggunaan BYOD

Pengguna BYOD adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut:

- i. Menggunakan BYOD untuk mengakses dengan tujuan menyimpan dan menyebarkan maklumat rasmi dan terperingkat kepada pihak yang tidak dibenarkan;
- ii. Penggunaan BYOD untuk tujuan peribadi yang boleh mengganggu produktiviti kerja;
- iii. Menjadikan BYOD sebagai *access point (AP)* untuk capaian ke internet tanpa kebenaran;
- iv. Menggunakan perisian yang tidak sah; dan
- v. Merakam komunikasi dan dokumen rasmi bagi tujuan peribadi.

## 5.3 Keselamatan ICT

Sebagai panduan, pengguna bertanggungjawab memastikan langkah-langkah keselamatan ICT berkaitan penggunaan BYOD seperti berikut:

- i. Mengelak risiko kebocoran maklumat rasmi dan ancaman keselamatan ICT;
- ii. Memastikan produktiviti pengguna tidak terjejas di dalam menjalankan urusan rasmi jabatan/kampus; dan
- iii. Memastikan integriti data terpelihara.

#### **5.4 Risiko/ Liabiliti/ Penafian**

- i. Pengguna adalah bertanggungjawab menggunakan kemudahan BYOD secara berhemah sepanjang masa dan mematuhi mana-mana peraturan dan dasar yang sedang berkuatkuasa.
- ii. Pengguna adalah bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan perundangan sekiranya didapati menyalahgunakan kemudahan BYOD yang menyebabkan kehilangan/ kerosakan/ pendedahan maklumat rasmi universiti.
- iii. Pengurusan ICT universiti tidak bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan data yang diakses melalui BYOD semasa ianya digunakan bagi tujuan rasmi universiti.
- iv. Peranti mudah alih yang merupakan aset universiti tidak tertakluk kepada garis panduan ini. Pengguna tersebut masih tertakluk kepada langkah-langkah perlindungan keselamatan yang berkuatkuasa.

#### **6.0 SENARAI RUJUKAN**

- i. Dasar ICT UiTM.
- ii. Dasar Keselamatan ICT UiTM.